



22 April 2013
22 April 2013
P.U. (A) 146

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (NO. 2)
2013

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (NO. 2) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993 DAN AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (DUTI ANTI-LAMBAKAN) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan)(No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh mulai 23 April 2013 hingga 22 April 2018.

Duti anti-lambakan

2. Duti anti-lambakan hendaklah dilevi atas dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan barang-barang yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) Jadual yang dieksport dari negara yang dinyatakan dalam ruang (4) ke dalam Malaysia oleh pengeksport atau pengeluar yang dinyatakan dalam ruang (5) mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang (6).

Pembayaran duti anti-lambakan

3. Duti anti-lambakan yang kena dibayar di bawah Perintah ini hendaklah dibayar secara tunai.

Penjenisan barang-barang

4. (1) Penjenisan barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah mematuhi Rukun-Rukun Tafsiran dalam Perintah Duti Kastam 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) Nombor kepala atau subkepala yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual adalah bagi kemudahan rujukan dan tidak mempunyai kesan mengikat ke atas penjenisan barang-barang yang diperihalkan dalam ruang (3).

Kesan atas duti import dan cukai jualan

5. Pengenaan duti anti-lambakan tidak menjejaskan pengenaan dan pemungutan—

(a) duti import di bawah Akta Kastam 1967; dan

(b) cukai jualan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64].

JADUAL

[Perenggan 2]

DUTI ANTI-LAMBAKAN

(1) No.	(2) No. Kepala/ Subkepala mengikut Kod H.S. (Kod AHTN)	(3) Perihal barang-barang	(4) Negara	(5) Pengeksport/ Pengeluar	(6) Kadar duti [% daripada nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]
1.	3920.20.200 (3920.20.10.00)	Filem-filem <i>Biaxially oriented polypropylene (BOPP)</i> dengan ketebalan antara 13 sehingga 50 mikron dan khususnya mengecuali- kan filem- filem <i>printable shrink</i> , filem-filem <i>metallised</i> dan pita	<i>Chinese Taipei</i>	1. Lain-lain	12.37%
			Thailand	1. A.J. Plast Public Company Limited	Nil
				2. Thai Film Industries Public Company Limited	12.37%
				3. Lain-lain	12.37%
			Republik Rakyat	1. Guangzhou Shunlung	Nil

China		Industrial Corporation	
	2.	Zhejiang Kinlead Innovative Materials Co. Ltd.	Nil
	3.	Lain-lain	12.37%
Republik Indonesia	1.	Lain-lain	12.37%
Republik Sosialis Viet Nam	1.	Formosa Industries Corporation	2.59%
	2.	Lain-lain	12.37%

Dibuat 17 April 2013

[SULIT KE.HT(96)669/12/249-8 Klt.2 SK. 2; Perb.; PN(PU2)529/XI]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967]

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993 AND CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (ANTI-DUMPING DUTIES) (NO. 2) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by section 25 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Anti-Dumping Duties) (No. 2) Order 2013**.

(2) This Order shall have effect for the period from 23 April 2013 to 22 April 2018.

Anti-dumping duties

2. Anti-dumping duties shall be levied on and paid by the importers in respect of the goods specified in columns (2) and (3) of the Schedule exported from the countries specified in column (4) into Malaysia by the exporters or producers specified in column (5) at the rates specified in column (6).

Payment of anti-dumping duties

3. The anti-dumping duties payable under this Order shall be paid in cash.

Classification of goods

4. (1) The classification of goods specified in the Schedule shall be governed by the Rules of Interpretation in the Customs Duties Order 2012 [*P.U. (A) 275/2012*].

(2) The heading or subheading number specified in column (2) of the Schedule is for ease of reference and has no binding effect on the classification of goods described in column (3).

Effect on import duties and sales tax

5. The imposition of anti-dumping duties shall be without prejudice to the imposition and collection of—

- (a) import duties under the Customs Act 1967; and
 (b) sales tax under the Sales Tax Act 1972 [Act 64].

SCHEDULE

[Paragraph 2]

ANTI-DUMPING DUTIES

(1) No.	(2) Heading No./ Subheading according to H.S. Code (AHTN Code)	(3) Description of goods	(4) Country	(5) Exporter/Producer	(6) Rate of duty [% of the Cost, Insurance and Freight (CIF)]
1.	3920.20.200 (3920.20.10.00)	Biaxially oriented polypropylene (BOPP) films of thickness between 13 to 50 microns and specifically excluding the printable shrink films, metallised films and tape	Chinese Taipei	1. Others	12.37%
			Kingdom of Thailand	1. A.J. Plast Public Company Limited	Nil
				2. Thai Film Industries Public Company Limited	12.37%
				3. Others	12.37%
			People's Republic of China	1. Guangzhou Shunlung Industrial Corporation	Nil
				2. Zhejiang Kinlead Innovative Materials Co. Ltd.	Nil
				3. Others	12.37%

Republic of Indonesia	1.	Others	12.37%
Socialist Republic of Viet Nam	1.	Formosa Industries Corporation	2.59%
	2.	Others	12.37%

Made 17 April 2013

[SULIT KE.HT(96)669/12/249-8 Klt.2 SK. 2 Perb.; PN(PU2)529/XI]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 11(2) of the Customs Act 1967]